

**UCAPAN YBHG. DATO' JANA SANTHIRAN MUNIAYAN
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**PADA MAJLIS APRESIASI DAN HARI TERBUKA
PERBADANAN ASET KERETAPI TAHUN 2025**

Tarikh: 18 April 2025 (Jumaat)

Sempena: Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima Bagi Pembangunan Rangkaian Fiber Optik di Sepanjang Jajaran Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

[SALUTASI]

YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN

YB **DATUK FAHMI FADZIL**
MENTERI KOMUNIKASI

YBHG. **DATO' AZHAR BIN AHMAD**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)

YBHG. **DATO SERI YEOH SEOK HONG**
PENGARAH URUSAN YTL COMMUNICATIONS SDN. BHD.

YBRS. **ENCIK YEOH KEONG REN**
PENGARAH YTL COMMUNICATIONS SDN. BHD.

YBRS EN. WING K. LEE,

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YTL COMMUNICATIOS SDN. BHD.

BARISAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC,

**KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI DI PERINGKAT
PERSEKUTUAN NEGERI DAN DAERAH,**

RAKAN-RAKAN MEDIA,

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN

SERTA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI DAN

SALAM AIDILFITRI.

1. Selamat datang dan terima kasih kerana sudi hadir memeriahkan Majlis Apresiasi Pelanggan dan Hari Terbuka Perbadanan Aset Keretapi Tahun 2025. Izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua yang hadir.
2. Saya merakamkan penghargaan kepada RAC atas penganjuran majlis ini yang amat signifikan dalam memperkukuh hubungan strategik antara pihak perbadanan, industri serta pelanggan dalam ekosistem rel negara.
3. Kehadiran dua orang menteri yang kita hormati menyerlahkan komitmen kerajaan dalam menyokong inisiatif yang membina masa depan digital dan mampan buat negara.

RAC: DARI PEMILIK ASET KE PEMANGKIN EKONOMI DIGITAL

4. Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, saya amat berbangga dengan usaha RAC dalam menerajui liberalisasi pembangunan infrastruktur telekomunikasi di sepanjang koridor rel negara.
5. Langkah ini bukan sekadar memperkukuh kedudukan RAC sebagai pengurus aset, malah meletakkannya sebagai pemangkin pembangunan infrastruktur digital – satu anjakan paradigma penting.
6. Dengan lebih 1,600 kilometer jajaran rel yang strategik, RAC membuka ruang kepada pelabur industri melalui mekanisme telus

seperti RFP. Saya ucapkan tahniah kepada semua pembekal yang berjaya.

MENGUBAH CABARAN KEPADA PELUANG

7. Kita sedar bahawa sebarang pelaksanaan melibatkan aset negara memerlukan keseimbangan antara kontrak sedia ada, keperluan transformasi masa hadapan dan impak kewangan kepada kerajaan.
8. Namun melalui pendekatan berhemah yang melibatkan kerjasama teknikal antara RAC, KTMB dan Fiberail Sdn. Bhd., usaha ini telah berjaya menghormati perjanjian sedia ada serta membuka peluang kerjasama baharu yang lebih inklusif.
9. Ini contoh tadbir urus yang baik – dasar disesuaikan dengan perkembangan, sambil memastikan manfaat dikongsi semua pihak tanpa menjejaskan kestabilan industri.

MANFAAT NYATA KEPADA RAKYAT DAN NEGARA

10. Pelaksanaan inisiatif ini membolehkan RAC menjana pendapatan tambahan yang mengurangkan kebergantungan kepada dana pembangunan kerajaan. Hasil ini disalurkan semula ke dalam projek penambahbaikan aset seperti *rolling stock*.

11. Antara manfaat langsung kepada rakyat:
- i. Stesen yang lebih moden dan selesa;
 - ii. Liputan internet berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar dan pinggir bandar; dan
 - iii. Perangsang ekonomi setempat melalui sokongan terhadap PKS, perniagaan digital dan pelancongan domestik.

MEMPERKASAKAN EKONOMI DIGITAL

12. Koridor rel negara kini menjadi jajaran digital yang bukan sahaja menghubungkan rakyat secara fizikal tetapi juga membuka laluan kepada pembangunan ekonomi digital yang inklusif.
13. Dengan memanfaatkan laluan strategik rel yang merentasi zon industri dan kawasan padat penduduk, pelaburan teknologi digital seperti WiFi awam, kemudahan penumpang pintar dan capaian internet untuk PKS dapat dikembangkan.
14. Inisiatif ini menyokong aspirasi Malaysia MADANI untuk membina infrastruktur digital menyeluruh, mampan dan inklusif bagi semua lapisan masyarakat.

PENUTUP: KOMITMEN DAN HARAPAN

15. Akhir kata, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang menjayakan agenda ini – warga RAC, rakan strategik KTMB, syarikat telekomunikasi serta seluruh komuniti pengguna rel negara.
16. Inisiatif liberalisasi ini bukan sekadar perubahan dasar – ia lambang keterbukaan, inovasi dan keberanian membina masa depan lebih baik.
17. Marilah kita terus memperkukuh kerjasama merentas sektor, demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara yang mampan dan bersambung.

Sekali lagi, Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, terima kasih.